

Cabaran keluarga dwikerja

Suami
perlu bantu
ringankan
beban isteri
terutama
dalam
mendidik
anak

FAKTA NOMBOR

34.7

peratus

Wanita hantar anak kepada
saudara mara

19.2

peratus

Kanak-kanak dijaga jiran

13

peratus

Anak dihantar ke pusat asuhan

7.9

peratus

Anak dijaga pembantu rumah

I BU bapa hari ini terpaksa berdepan cabaran memainkan peranan lebih efektif bagi memastikan anak terdidik dengan sempurna. Selain kemahiran dan pengetahuan, tidak dinafikan sokongan daripada ahli keluarga lain seperti datuk, nenek dan pihak berwajib diperlukan seperti taska dan pengasuh berkualiti bagi memastikan anak membesar serta berkembang sempurna.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Senator Datuk Sri Shahrizat Abdul Jalil, berkata kewujudan keluarga dwi-kerja iaitu suami isteri keluar bekerja menyebabkan tugas dan tanggungjawab mengurus keluarga tidak dilaksanakan dengan sebaiknya.

"Keadaan ini sering kali menimbulkan pelbagai isu seperti ikatan kekeluargaan longgar, kurang komunikasi antara ahli keluarga, pengabaian anak-anak serta kurang kawalan terhadap perkembangan dan perlakuan anak. Ibu bapa yang sibuk dengan kecemerlangan kerjaya dan mencari kekayaan pula menyebabkan anak-anak dilayan dengan hidup manja dan mewah seperti dipaparkan dalam filem *Anakku Sazali*.

"Kemahiran keibubapaan boleh memastikan anak-anak mendapat penjagaan dan pendidikan selaras dengan keadaan semasa. Justeru, setiap ibu bapa harus dilengkapi pengetahuan dan kemahiran ini untuk membolehkan

mereka mendidik anak dengan sebaiknya. Walaupun pengaruh luar tidak dapat dielakkan, dengan pendidikan yang betul dan berhemah, anak-anak dapat dilatih untuk meng-



“ Wanita atau ibu harus menerima hakikat tidak mampu melakukan semua kerja kerana ia hanya menimbulkan tekanan. Tidak semestinya anda perlu menjadi ibu atau isteri ideal dalam satu masa”

Dr Rumaya Juhari

Pensyarah Jabatan
Pembangunan Manusia
dan Pengajaran Keluarga,
Fakulti Ekologi Manusia,
UPM

gunakan akal fikiran dalam berdepan pengaruh ini,” kata-nya.

Shahrizat berucap merasmikan Seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) baru-baru ini. Turut hadir, pada majlis-berkenaan, Pengurus IKIM, Tun Datuk Seri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Seminar anjuran IKIM itu membincangkan hakikat sebenar dihadapi keluarga Muslim masa kini khususnya dari segi penjagaan dan pendidikan anak-anak, cabaran disamping mengetengahkan panduan bagi mendepani isu ini. Kertas kerja menyentuh isu ini dibentangkan pakar daripada IKIM, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Beliau berkata, suami juga perlu memainkan peranan membantu mengurangkan beban kerja rumah isteri, malah ia perlu dijadikan amalan dalam setiap keluarga; selain budaya meletakkan tanggungjawab menguruskan rumah tangga dan anak-anak di bahu isteri juga harus diubah demi kesejahteraan keluarga.

"Secara am, walaupun wanita hari ini turut keluar bekerja, kebanyakannya mereka masih terpaksa melakukan kerja di rumah. Justeru, golongan suami perlu memainkan peranan lebih aktif dalam rumah tangga dan bukannya sebagai



HALIMATON SAADIAH SULAIMAN | BERITA HARIAN

SHAHRIZAT beramah mesra dengan peserta seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa di Institut Kefahaman Islam Malaysia, baru-baru ini.

pencari nafkah semata-mata. Perkongsian tanggungjawab keluarga antara suami isteri perlu menjadi amalan dalam setiap keluarga," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Prof Madya Dr Rumaya Juhari, berkata faktor paling asas yang perlu difah-

mi suami isteri dwi kerja ialah menerima hakikat bahawa jangkaan dan harapan ideal bagi peranan suami isteri perlu disesuaikan dengan keadaan semasa bagi mengelakkan konflik serta tekanan.

"Wanita atau ibu harus menerima hakikat tidak mampu melakukan semua kerja kerana ia hanya menimbulkan tekanan. Tidak semesti-

nya anda perlu menjadi ibu atau isteri ideal dalam satu masa. Misalnya, memastikan setiap hujung minggu memasak untuk suami dan anak-anak. Anda akhirnya akan mendapat tidak mempunyai masa berkualiti bersama mereka selepas kepenatan memasak berjam-jam di dapur.

Bahagikan tugas mengurus-

kan rumah tangga bersama suami atau pembantu rumah bagi membolehkan anda memperuntukkan masa untuk bersama anak-anak. Sokongan daripada pasangan dalam bentuk penyesuaian peranan pada satu-satu masa amat penting bagi mengelakkan konflik kerana hidup dalam konflik sebenarnya tidak sihat," katanya.



“Selain menjadi tempat mereka berlindung sementara menghabiskan sisa usia, datuk dan nenek juga menjadi tempat cucu bermanja ketika ibu bapa mereka keluar bekerja”

Dr Khadijah Alavi

Penyelidik Kanan Pasca Doktoral, Institut Pengajian Sains Sosial UPM



“Berilah pembantu rumah tugas yang tidak memerlukan sentuhan peribadi majikan dan gunakan masa serta tenaga itu untuk meluangkan masa dengan ahli keluarga yang lain”

**Siti Fatimah
Abdul Rahman**

Fellow Kanan, Pusat
Ekonomi dan Kajian Sosial
IKIM